

# 乃ムナム バタマツ


FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN, UKM

BATA MERAH | EDISI 5, APRIL - JUN 2024




## SUJANALOKA

Program Kembara Sujanaloka  
Catat Sejarah Dalam  
Malaysia Books of Records



## PUSAT KAJIAN MALAYSIA

Perasmian  
Pusat Kajian Malaysia  
Di Soka University, Jepun



## PRA-GRADUASI

Majlis Pra-graduasi  
FSSK 2024  
Semangat Bata Merah

# ISI KANDUNGAN

**03 - 04**

## PUSAT KAJIAN MALAYSIA

Perasmian Pusat Kajian Malaysia  
di Soka University, Jepun

**05 - 06**

## KEMBARA SUJANALOKA

Ukir nama dalam  
Malaysian Books of Record

**08**

## SAKURAYA

Perkukuh jaringan kerjasama  
erat Jepun-Malaysia

**09 - 10**

## DR. CHEAH

### TOP 2% WORLD SCIENTIST

**11 - 12**

## SEMANGAT BATA MERAH

Majlis Pra-graduasi  
FSSK 2024

**13 - 14**

## PERSADA 2024

Kreativiti Pencetus  
Akademika Watan

**16**

## UNIT KASIH@FSSK

Pelancaran Makmal Sosial FSSK  
@Komuniti ke-3

**17 - 18**

## BICARA TOKOH SEEDS

Mantan Naib Canselor  
berkongsi ilmu

**19 - 20**

## APRESIASI FILEM

Filem Pagari Bulan

**21 - 22**

## JOMCHECK

Bengkel KLICK

**23**

## HARI PUASI MELAYU

Puisi Melayu  
Wadah Kebitaraan Bangsa

**24**

## HARI ERGONOMIK

2024

**25 - 26**

## FORUM WELLNESS WARRIOR

Atasi Stigma Wujudkan  
Sokongan dan Kesedaran Mental

**27**

## FSSK-IPDN

Program pertukaran  
Pelajar dan Pensyarah

**28**

## IPDN AYG

Program Ceria Sihat AYG

**29 - 31**

## LAWATAN KE FSSK

**32**

## UKM-MPAT

Masyuarat Jawatankuasa  
Siri 1/2024

**33 - 35**

## JAMUAN HARI RAYA

AIDILFITRI FSSK 2024

Raya Dalam Lagu



## Perasmian Pusat Kajian Malaysia Di Jepun Buka Ruang Kerjasama Lebih Erat Penyelidik FSSK, UKM

Jalinan kerjasama akademik yang erat di antara para penyelidik di Malaysia dan Jepun telah diperkuatkukan lagi melalui penubuhan Pusat Kajian Malaysia (*Centre for Malaysian Studies*) di Soka University, Jepun yang telah dirasmikan pada 25 April 2024 yang lalu. Majlis yang penuh bermakna tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Shahril Effendi Abd Ghany, Duta Malaysia ke Jepun. Pada majlis itu juga, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia telah diberikan penghormatan untuk turut serta selaku rakan kerjasama strategik dalam penubuhan pusat kajian berkenaan. FSSK telah diwakili oleh dekannya iaitu YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.

Penubuhan pusat kajian ini bakal menjadi tumpuan strategik dalam memperkuatkukan penyelidikan di dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan melalui kolaborasi di peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung menyokong matlamat pembangunan mampan atau SDG. Buat masa kini, pusat kajian berkenaan mempunyai 12 sarjana dari Malaysia dan Jepun termasuk dua daripadanya adalah penyelidik di FSSK iaitu Dr. Ikbal Mohd Huda dan Dr. Mohd Shazwan Mokhtar daripada Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA).



Dalam ucapan perasmian itu, Dato' Shahril berharap agar penubuhan pusat kajian tersebut bakal menjadi tumpuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan masa hadapan bagi kedua-dua negara. Tambah beliau lagi kerjasama erat dua hala yang sangat baik sejak tahun 1957 telah merangkumi pelbagai aspek seperti pembangunan sumber manusia dan pendidikan tinggi yang telah memberikan manfaat kepada Malaysia dan Jepun. Menurut Presiden Soka University, Prof. Masashi Suzuki, penubuhan pusat kajian tersebut adalah inisiatif Fakulti Sastera Liberal Antarabangsa (FILA), yang diketui oleh Prof. Ichiro Sugimoto yang juga merangkap Pengarah pusat berkenaan. Prof. Ichiro Sugimoto juga berkata, Malaysia mempunyai institusi pendidikan yang penting bagi Jepun serta merupakan salah satu destinasi yang tepat dalam mempelajari ilmu kemanusiaan melalui kolaborasi dengan penyelidik-penyelidik di Malaysia dari pelbagai aspek dalam jangka masa panjang.

Tambah beliau lagi, dalam masa yang sama, FILA turut akan melebarkan fokus kualiti pendidikannya melalui jaringan termasuk peluang pengajian jangka pendek di Malaysia termasuklah program-program hubungan komuniti. Lebih menarik lagi, FILA turut bercadang menawarkan program Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada program kurikulum fakulti berkenaan dalam usaha memperkasakan pelajarnya untuk menguasai pelbagai bahasa. Justeru itu, hasrat ini disambut baik oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM dalam mengembangkan potensi para penyelidik FSSK dan UKM. Kerjasama ini juga penting terutamanya dalam proses pengembangan ilmu pengetahuan melalui program pertukaran pelajar dan usaha memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Menurut Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, FSSK dan FILA mempunyai arus pemikiran yang sama dan apabila FSSK turut menubuhkan Pusat Sosiobudaya Jepun Malaysia (SAKURAYA) yang menjadi pelengkap kepada Pusat Kajian Malaysia di Soka University. Dengan wujudnya kedua-dua pusat ini adalah diharapkan kita mampu untuk membina masa hadapan yang lebih baik untuk generasi yang lebih dinamik dan dalam masa yang sama berpegang teguh dengan nilai dan aspirasi watan.



## Program Kembara Sujanaloka Ukir Nama Dalam Malaysia Books of Records

Program Kembara Sujanaloka, yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (PMFSSK) bersama Kelab Pengajian Melayu (BITARA) dan Kelab Linguistik (PKBL), telah berjaya mencipta sejarah dengan mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Books of Records* (MBoR) bagi kategori Penyertaan Terbesar dalam Jelajah Kesedaran Alam Melayu. Program Kembara Sujanaloka terdiri daripada empat sub-program utama iaitu Jelajah Anak Watan, Bicara Berrima, Kesenian Kebangsaan, dan Pertandingan Malam Buana Wangsa.

Pengiktirafan ini diberikan setelah program tersebut berjaya melengkapkan program jelajahnya selama satu minggu, dengan menarik penyertaan sebanyak 9,321 peserta. Peserta-peserta program ini terdiri daripada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi (IPT). Pada majlis tersebut, wakil MBoR, Encik Edwin Yeoh Tiong Chin, telah menyerahkan sijil pengiktirafan MBoR kepada Dekan FSSK, YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dan disaksikan oleh Pn. Hasnoor Shima Ahmad Hassan, Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FSSK.



Prof. Dr. Kadaruddin mengucapkan tahniah kepada pihak pengajar program kerana berjaya menghasilkan program yang sangat positif terhadap budaya kesenian dan warisan negara.

Tambahan beliau lagi, semasa berlangsungnya program Jelajah Anak Watan ini, ahli jawatankuasa telah mengunjungi sekolah-sekolah di seluruh daerah Hulu Langat untuk memberikan ceramah bertajuk "Kesedaran berkaitan Alam Melayu" kepada para pelajar. Beliau menambah bahawa ini selari dengan matlamat universiti watan yang amat menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan nilai perpaduan antara satu sama lain.





Selain itu, program Bicara Berirama, Kesenian Kebangsaan, serta Pertandingan Malam Buana Wangsa juga turut disertai oleh pelajar sekolah menengah, sekolah rendah, serta pelajar IPT di sekitar Lembah Klang. Pertandingan Malam Buana Wangsa merupakan pertandingan nyanyian lagu Melayu Klasik yang diadakan secara berpasangan, menambahkan lagi keunikan dan daya tarikan program ini.

Dengan pencapaian ini, Program Kembara Sujanaloka bukan sahaja mengukuhkan kedudukan UKM dalam arena pendidikan dan kebudayaan, tetapi juga memupuk semangat cintakan budaya dan warisan negara dalam kalangan generasi muda.



A close-up photograph of pink cherry blossom flowers (Sakura) in full bloom. The flowers are a delicate light pink color with five petals each. They are set against a bright, clear blue sky. Some green leaves and branches are visible, particularly on the right side of the frame.

# Penyelidikan @FSSK

## Sakuraya FSSK Perkukuh Jaringan Kerjasama Erat Jepun-Malaysia

Jaringan penyelidikan FSSK di peringkat antarabangsa terutamanya dengan negara Jepun kini boleh dikatakan sudah berada pada satu tahap yang membanggakan. Hal ini dibuktikan melalui jumlah perolehan dana antarabangsa terkumpul berkaitan dengan Jepun berjumlah hampir RM1.8 juta daripada pelbagai sumber termasuk UKM sendiri, The Japan Foundation, Sumitomo Foundation, Toshiba International Foundation, Tokyo Center for Economic Research (TCER), Japan International Cooperation Agency (JICA), dan organisasi-organisasilain. Penyelidikan ini meliputi bidang-bidang seperti bahasa, kesusastraan, politik, hubungan antarabangsa, komunikasi, sejarah, dan psikologi. Dana ini bukan sahaja membantu mengukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan Jepun tetapi juga memperkaya pengetahuan dan pemahaman pelajar serta penyelidik dalam pelbagai aspek budaya dan masyarakat Jepun.

Menyedari impak positif dan jangkauan ruang kerjasama yang lebih erat pada masa hadapan, Pusat Sosiobudaya Jepun-Malaysia atau SAKURAYA telah ditubuhkan bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan, jaringan kerjasama dan pengalaman pembelajaran yang berkaitan dengan sosio budaya Jepun dan Malaysia. Objektif utama penubuhan SAKURAYA adalah untuk menjadikan FSSK sebagai hab bagi para sarjana dan penyelidik Jepun dan Malaysia terutamanya di dalam bidang sains sosial untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka. Selain itu, SAKURAYA juga dilihat mampu untuk menggalakkan persefahaman antara sarjana Jepun dan Malaysia serta pelajar secara khususnya dalam bidang sains sosial dan secara tidak langsung mengembangkan hubungan Malaysia dan Jepun daripada aspek teknologi dan rangka kerja ekonomi kepada rangka kerja sosiobudaya.

Baru-baru ini SAKURAYA telah menerima lawatan rasmi daripada Tuan Saito Yukiyoshi, Setiausaha Pertama (Atase Pendidikan) Kedutaan Besar Jepun di Malaysia. Kehadiran delegasi berkenaan telah disambut oleh YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, Dekan FSSK bersama-sama dengan felo penyelidik SAKURAYA bertempat di Pusat Kajian Bahasa & Linguistik (PKBL).

Menurut Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, kerjasama erat FSSK dan Jepun juga merangkumi aktiviti seperti program mobiliti dan pertukaran pelajar FSSK selama enam bulan hingga satu tahun ke universiti-universiti di Jepun seperti Tokyo University of Foreign Studies, Tsukuba University, Sofia University, Tokai University, Gifu University, dan lain-lain lagi. Setiap semester, pelajar dihantar kenegara Jepun melalui program ini, dan FSSK juga turut menerima pelajar-pelajar Jepun untuk merasai pengalaman pembelajaran dan budaya di Malaysia.

Adalah diharapkan dengan penubuhan SAKURAYA kerjasama erat antara FSSK dan Jepun akan terus berkembang maju di masa hadapan demi kelangsungan generasi pewaris anak watan UKM.



### SENARAI FELO PENYELIDIK SAKURAYA

Bil.	Senarai Felo Penyelidik
1.	Dr. Normalis Amzah ( <b>PKBL</b> )
2.	Puan Aznur Aisyah Abdullah ( <b>PKBL</b> )
3.	Dr. Mohd Ikbol Mohd Huda ( <b>SPHEA</b> )
4.	Prof. Madya Dr. Nor Fariza Mohd Nor ( <b>PKBL</b> )
5.	Prof. Madya Dr. Karim Harun ( <b>BITARA MELAYU</b> )
6.	Prof. Madya Dr. Mawar Safei ( <b>BITARA MELAYU</b> )
7.	Prof. Madya Dr. Muhamad Takiyuddin Ismail ( <b>SPHEA</b> )
8.	Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad ( <b>MENTION</b> )

# Dr. Cheah

## *Top 2%*

### *World Scientist*



Kehebatan kakitangan akademik di Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK) tidak perlu disangkal lagi apabila salah seorang daripadanya telah berjaya tersenarai di dalam World Top 2% Scientist 2023 oleh Elsevier BV, Stanford University. Dr. Cheah Wai Yan daripada Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran (SEEDS) merupakan satu-satunya penyelidik daripada FSSK yang tersenarai bersama-sama 72 penyelidik lain di UKM. Antara indikator utama yang menyebabkan seseorang penyelidik tersenarai adalah menerusi kajian-kajian yang telah menyumbang kepada kelestarian dunia.


Untuk itu, Dr. Cheah telah banyak membuktikan di dalam kajiannya terhadap penggunaan mikroalga sebagai mekanisme mampan yang dapat menyelesaikan pelbagai masalah global dan memberikan manfaat kepada alam sekitar. Salah satu kajian beliau yang mendapat petikan (citation) yang tinggi daripada pengkaji lain adalah kajian tentang biosekuestrasi karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ ) atmosfera dan  $\text{CO}_2$  gas serombong oleh mikroalga.

Dalam era yang semakin mendesak untuk mengatasi cabaran perubahan iklim, kajian mengenai biosekuestrasi  $\text{CO}_2$  atmosfera dan  $\text{CO}_2$  yang mengandungi gas serombong oleh mikroalga telah menjadi subjek penting dalam bidang penyelidikan. Menurut Dr. Cheah, mikroalga secara ringkasnya adalah lumut yang dapat diaplikasikan penggunaannya kepada pelbagai bentuk seperti agen untuk merawat air yang tercemar, bahan mentah untuk penghasilan bahan api biodiesel, penyerap karbon dioksida dan sebagainya. Mikroalga juga adalah tumbuhan yang tidak memerlukan tanah untuk membesar.

Pada kebiasaannya mikroalga tumbuh di permukaan air seperti di tasik, kolam, dan lautan. Biosekuestrasi pula secara ringkasnya bermaksud proses mikroalga mengasimilasikan  $\text{CO}_2$  daripada atmosfera melalui proses fotosintesis.


Secara asasnya, serombong gas kilang akan melepaskan CO<sub>2</sub>, nitrogen oksida (NOx) dan sulfur dioksida (SO<sub>2</sub>) ke udara dan melepaskan air sisa ke sungai. Justeru di dalam kajiannya, Dr. Cheah ingin melihat penyerapan CO<sub>2</sub> yang dilepaskan oleh serombong gas kilang dengan menggunakan mikroalga untuk ditukarkan kepada oksigen melalui proses fotosintesis serta merawat air sisa yang dihasilkan daripada proses kilang dengan menggunakan mikroalga yang sama. Kajian ini secara langsung akan dapat menyelesaikan masalah pemanasan global yang disebabkan oleh CO<sub>2</sub> yang banyak serta boleh merawat sisa air sebelum melepaskannya ke dalam sungai atau longkang.

Secara amnya, satu kitaran proses pengkulturan mikroalga ini mengambil masa selama 24 hari sebelum ianya akan ditukarkan kepada fasa yang baru. Namun, tempoh tersebut boleh berubah-ubah mengikut faktor medium itu sendiri seperti kuantiti air sisa, jenis spesies mikroalga, keadaan persekitaran, jumlah penerimaan cahaya matahari dan sebagainya. Bagi mengoptimumkan proses ini juga terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti suhu, kepekatan air sisa, nilai pH air, teknik handling, proses bubbling, panjang gelombang warna matahari (warna merah paling efektif) dan sebagainya. Pengkaji perlu mengambil kira kesemua faktor berkenaan bagi melancarkan proses biosekuestrasi dan mengoptimumkan proses penanaman mikroalga supaya ianya efektif untuk menyerap CO<sub>2</sub> dan merawat sisa air.



Walaupun di Malaysia kajian berkenaan dengan mikroalga telah banyak diterbitkan oleh ahli akademik pada masa kini, namun proses biosekuestrasi oleh mikroalga ini masih belum dapat diaplikasikan secara meluas di peringkat industri kerana kosnya operasinya yang tinggi. Hal ini juga menyebabkan kurangannya pelabur yang ingin melabur ke dalam penggunaan mikroalga ini dan kurangnya galakkan daripada kerajaan. Antara faktor yang menyebabkan kosnya tinggi adalah seperti, suplemen untuk mikroalga yang mahal kerana mikroalga memerlukan suplemen untuk membesar, dan kos aerators yang tinggi.

Dalam kajian yang diterajui beliau, Dr Cheah Wai Yan telah menunjukkan ketokohnnya dalam meneliti potensi besar mikroalga sebagai alat yang berkesan dalam mengatasi cabaran perubahan iklim. Pengiktirafan ini tidak hanya mengiktiraf kecekapan dan kecemerlangan beliau dalam bidang ini, tetapi juga mengesahkan sumbangan penting beliau dalam usaha global untuk mencari penyelesaian berkesan dalam mengurangkan kandungan CO<sub>2</sub> dalam udara dan masalah pencemaran air akibat aktiviti perindustrian. Kajian ini juga membuka peluang baru dalam penemuan teknologi hijau yang berpotensi memberi impak positif terhadap pemuliharaan alam sekitar dan usaha-usaha mengurangkan kesan pemanasan global. Keberhasilan Dr. Cheah ini mendorong kepada aspirasi untuk terus menyokong perkembangan sains dan inovasi serta memberi inspirasi kepada generasi masa depan dalam menangani cabaran-cabaran persekitaran global yang semakin kompleks.



Selain itu, selaras dengan perubahan teknologi pesat pada masa kini, teknologi kecerdasan buatan (artificial Intelligence) turut diperkenalkan sebagai salah satu inovasi kepada pengkaji untuk memantau medium mikroalga yang dilakukan oleh pengkaji. Teknologi ini membantu pengkaji untuk memantau medium mikroalga dan kadar tumbesaran mikroalga dengan mengesan perubahan pH pada air, mengesan CO<sub>2</sub> yang diterima oleh mikroalga, kadar nitrogen, dan lain-lain. Pengkaji akan menerima data melalui teknologi ini secara terus tanpa perlu mengambil sampel pada setiap hari.



## **Majlis Pra-Graduasi FSSK 2024: Semangat Bata Merah**

Dengan mengangkat tema ‘Tradisional Klasik’ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM kembali sekali lagi pada tahun ini dengan penganjuran Majlis Pra-Graduasi FSSK : Semangat Bata Merah bagi meraikan pelajar tahun akhir yang bakal bergelar graduan pada majlis konvokesyen akan datang. Selain meraikan mereka semua, majlis ini bertujuan untuk menzahirkan manifestasi penghargaan dari pihak FSSK kepada para pelajar yang telah sama-sama bertungkus lumus mengharungi pahit getir bergelar mahasiswa di FSSK.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Alumni FSSK, Ahmad Faizal sebagai tetamu jemputan untuk memberikan sedikit pengisian kepada pelajar-pelajar sebagai seorang alumni FSSK. Selain itu, pempengaruh terkenal dalam bidang perunding iaitu Puan Wawa Idris turut serta untuk memberikan tips ketramplinan dan keyakinan diri di tempat kerja.

Seramai lebih daripada 300 orang telah hadir untuk memeriahkan majlis ini yang terdiri daripada pihak pengurusan fakulti, para pensyarah dan pelajar.

**MENUTUP TIRAI BATA MERAH  
MOGA DIIRING SEBUAH KEJAYAAN  
KUATKAN DIRI MENCARI ARAH  
MENGUKUH LEGASI UNIVERSITI WATAN**



MAJLIS PRA GRADUASI FSSK 2024

# SEMANGAT BataMeraJh

'MENGAKAR KE BUMI, MENGGAPAI KE LANGIT'



## PERSADA 2024: KREATIVITI PENCETUS DINAMIKA WATAN

Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda (PERSADA) 2024 mengangkat tema “Kreativiti Pencetus Dinamika Watan” bertujuan untuk memupuk daya saing pelajar di peringkat global sambil mengekalkan jati diri mereka. Dengan cara ini, manfaat yang diperoleh dapat disumbangkan kepada fakulti, universiti, dan seterusnya masyarakat.

Tema ini adalah manifestasi penekanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap nilai ilmu, mutu, dan budi yang bersifat holistik serta diiktiraf oleh masyarakat dunia. Penekanan ini seiring dengan falsafah UKM yang menekankan kreativiti sebagai aspek teras identiti universiti dan membezakannya daripada institusi lain.

Hasilnya, ini menunjukkan komitmen untuk berfikir di luar kotak dan meneroka batasan dalam pendidikan dan penyelidikan. Penekanan terhadap kreativiti membolehkan universiti memberi inspirasi kepada pelajar dan fakulti untuk meneroka idea-idea baru, mengambil risiko, dan mencari penyelesaian inovatif kepada cabaran dunia sebenar.



PERSADA 2024 membariskan YBhg. Datuk Suhaimi Sulaiman, Ketua Pengarah Penyiaran RTM merangkap Profesor Adjung Pusat Kajian Media dan Komunikasi, di dalam sesi ucaptama. Selain daripada itu, PERSADA 2024 turut menjemput penerbit dan pengarah filem, YM Ts. Raja Mukhriz Raja Ahmad Kamaruddin untuk sesi perkongsian bicara santai. PERSADA tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai 129 orang pembentang dari pelbagai fakulti di dalam UKM, serta penglibatan universiti luar seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Pendidikan Guru (IPG), dan Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh.

Persidangan yang telah berlangsung dari 7-8 Jun yang lalu, diharapkan dapat memberi peluang kepada para peserta untuk terus belajar dan berkongsi ilmu, sekaligus meningkatkan kecerdasan intelektual, minda, serta daya kreativiti dalam wacana global yang merentasi pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, persidangan ini dapat menjadi platform bagi para pelajar untuk saling bertukar idea dan pendapat dalam usaha memperkaya ilmu dalam dunia penyelidikan.





Jaringan Industri & Masyarakat  
@FSSK

# Pelancaran Makmal Sosial FSSK@Komuniti Ke-3 Di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia

Unit KASIH@FSSK di bawah Sekretariat Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) telah berjaya melancarkan Makmal Sosial FSSK@Komuniti yang ketiga pada 25 Mac 2024 yang lalubertempat di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia, Semenyih, Selangor.

Pusat ini ditubuhkan dengan tujuan menyediakan penempatan untuk warga emas bagi kes-kes terdampar tanpa waris atau yang diabaikan oleh waris, khususnya bekas pesakit yang discaj dari hospital kerajaan.



Makmal Sosial FSSK@Komuniti yang ketiga ini akan terus menjadi platform bagi pelajar prasiswazah dan siswazah, serta kakitangan akademik, pentadbiran, dan sokongan dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) untuk menjalankan program dan aktiviti yang melibatkan elemen pengajaran dan pembelajaran (E), penyelidikan (R), dan khidmat masyarakat (K).

Majlis pelancaran Makmal Sosial FSSK@Komuniti telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr Sity Daud, Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM), diiringi oleh Dr. Noremy Md. Akhir, Penyelaras Unit Kasih@FSSK. Pada majlis itu, Prof. Sity telah menyerahkan papan tanda Makmal Sosial FSSK@Komuniti kepada Tuan Haji Azman Bin Rasman dan Tuan Haji Mohiadin Bin Bahado, masing-masing sebagai Pengurus dan Penasihat Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia.

Dengan pelancaran Makmal Sosial FSSK@Komuniti ini, seluruh warga FSSK dijemput untuk mengaktifkan makmal ini demi manfaat bersama. Usaha ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif, bukan sahaja kepada komuniti di Pusat Jagaan Mahmudah, tetapi juga kepada para pelajar dan kakitangan FSSK dalam mengaplikasikan ilmu dan kemahiran mereka dalam situasi sebenar.

Diharapkan agar inisiatif ini dapat dijayakan dengan kerjasama semua pihak.



## **Mantan Naib Canselor kongsi ilmu pupuk graduan watan luar biasa**

Ilmu adalah prasyarat ke arah mengejar cita-cita membangunkan sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Keperluan dalam melahirkan graduan berkualiti semakin meningkat dengan pesat, terutamanya dengan kemunculan industri baharu yang didorong oleh inovasi teknologi. Industri seperti kecerdasan buatan, sains data dan kecerdasan seni buatan memerlukan individu yang tidak hanya mempunyai asas yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi, tetapi juga kreatif, inovatif serta mampu beradaptasi dengan cepat terhadap perubahan yang berlaku. Graduan berkualiti merupakan aset yang amat penting bagi setiap negara dan industri. Mereka tidak hanya menjadi tulang belakang untuk pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk landskap profesional yang dinamik.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Sham Mohd Sani adalah satu nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi dalam kalangan ahli akademik di FSSK dan UKM. Figura ini merupakan tokoh yang telah banyak menyumbang jasa dan bakti kepada universiti dan fakulti ini apabila pernah dilantik sebagai Naib Canselor UKM ke tujuh pada tahun 1993 hingga 1998. Walaupun telah lama bersara dari dunia akademik, tokoh ini masih terus bersemangat berkongsikan ilmu dan pengalaman apabila baru-baru ini dijemput ke Seminar Bicara Tokoh bagi mengupas tajuk 'Universiti Watan dan Graduan Berkualiti' anjuran Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekutaran (SEEDS).



**Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Sham Mohd Sani**  
Mantan Naib Canselor

Di dalam program berkenaan, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Sham Mohd Sani menggalakkan mahasiswa agar melibatkan diri dan menjalin kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan menghadirkan diri ke mana-mana persidangan akademik kerana ia merupakan langkah penting bagi graduan yang ingin meningkatkan kebolehan interpersonal dan memperluaskan rangkaian mereka kepada orang lain. Menghadiri mana-mana persidangan juga memberi peluang untuk graduan mendengar pandang-pandangan yang berbeza, meningkatkan pengetahuan dan membina hubungan dengan para profesional berkaitan dengan bidang diceburi.

Selain itu, beliau juga memberikan tips agar bakal graduan menambah kemahiran insani (soft skills) mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Beliau tutut berkongsikan beberapa platform atas talian seperti Massive Open Online Courses (MOOCs) dan edX yang boleh digunakan bagi memudahkan bakal graduan mengakses kursus-kursus yang ditawarkan secara percuma dan fleksibel untuk menambah sijil kemahiran insani mereka. Kemahiran-kemahiran tambahan inilah yang bakal membezakan dan memberikan ciri unik graduan FSSK dan UKM berbanding graduan universiti lain.





Di samping itu juga, beliau turut menegaskan bahawa graduan yang lahir dari FSSK, haruslah mempunyai ciri-ciri seperti mampu berkomunikasi dan menulis secara berkesan, berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah serta mempunyai etika profesional kerana ini juga merupakan aspek terpenting yang membezakan mereka di dalam pasaran kerja.

Selain berkongsi tips untuk memupuk graduan yang berkualiti, beliau juga turut menceritakan perjalanan hidupnya yang diibaratkan bagai air mencari jenisnya.

Beliau sememangnya seorang individu yang hebat, seorang tokoh, seorang teladan, seorang pensyarah yang bukan sahaja mengajar, tetapi memberi inspirasi, memberi warisan yang abadi dalam bidang akademik.

Semoga Allah sentiasa merahmati beliau dan segala ilmu dan bakti yang dicurahkan terus membugar dalam kalangan anak watan UKM.




## Apresiasi Filem Pagari Bulan suntik semangat patriotisme dan kebangkitan wanita

Filem Pagari Bulan merupakan sebuah filem arahan Raja Mukhriz yang menonjolkan semangat patriotisme melalui kisah seorang watak utama bernama Bulan yang dijadikan sebagai "Comfort Women" semasa zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Filem Pagari Bulan tidak hanya menceritakan tentang penderitaan dan pengorbanan, malah juga memperlihatkan kekuatan semangat kebangkitan wanita dan penduduk yang terdesak untuk mempertahankan maruah dan tanah mereka daripada di jajah oleh tentera Jepun. Cerita ini berlatarkan sebuah kampung di Negeri Kelantan, tempat di mana tentera Jepun mula memasuki Tanah Melayu.

Namun, filem ini kurang mendapat perhatian di pawagam walaupun mendapat banyak komen yang positif dalam kalangan penonton.





Justeru, pelajar-pelajar Sarjana Pengurusan Komunikasi baru-baru ini telah menganjurkan majlis Apresiasi Filem bertemakan Filem Kita, Wajah kita: Garapan Sejarah dari Lensa Kreatif.

Selain itu majlis ini juga bertujuan untuk menghargai karya dan menghayati nilai-nilai yang terdapat di dalam filem tersebut termasuklah sesi diskusi forum bersama penggiat industri.

Acara ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan turut dihadiri oleh, Pro Naib Canselor Prof. Dato' Dr. Roslee Rajikan dan Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub. Panelis sesi forum pula diberi oleh Dr. Hasrul Hashim iaitu pensyarah daripada Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) FSSK, Dato' Afddin Shauki, Vanida Imran dan Thaaqhib Mohamed selaku penggiat industri profileman di Malaysia.



## JomCheck Anjur Bengkel KLICK Perkuuh Literasi Media Dalam Komuniti



JomCheck Malaysia telah menganjurkan bengkel Klinik Cerdik Fakta (KLICK) untuk berkongsi ilmu berkaitan literasi media kepada komuniti penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Sri Sarawak, Pudu, baru-baru ini.



KLICK yang dianjurkan buat julung-julung kalinya ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta yang berumur antara 30 hingga 78 tahun.

KLICK adalah sebahagian daripada usaha JomCheck untuk membanteras penyebaran maklumat palsu yang berpotensi menyebabkan masyarakat terdedah kepada khabar angin serta ancaman penipuan (scam) yang merugikan.



“Penggunaan media sosial yang aktif pada hari ini telah menyebabkan pelbagai jenis maklumat yang belum dipastikan kesahihannya akan tersebar dengan begitu pantas.

“Oleh itu, JomCheck berpendapat, usaha untuk meningkatkan kemahiran menyemak fakta perlu disemai dalam kalangan masyarakat untuk mengelakkan daripada mereka menjadi mangsa penipuan,” kata Ketua Sekretariat JomCheck Malaysia, Prof. Madya Dr. Sabariah Mohamed Salleh.

KLICK menfokuskan kepada inisiatif untuk meningkatkan kebolehan mengenalpasti kandungan yang mencurigakan serta mengetahui cara melakukan semakan fakta.

#### SEGMENT PERTAMA (1)

Segmen pertama bengkel adalah melalui perkongsian contoh-contoh maklumat palsu yang mengelirukan dan cara untuk melakukan penilaian kepada setiap jenis maklumat yang diterima sebelum membuat sebarang tindakan selanjutnya.



#### SEGMENT KEDUA (2)

Segmen kedua bengkel pula menguji kemahiran peserta menilai kesahihan maklumat di lima stesen yang disediakan.



JomCheck adalah satu usaha membina kerjasama dalam melawan sebaran maklumat tidak benar kelolaan Pusat Kajian Media dan Komunikasi (Mention), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan sokongan Google News Initiative.


Ia menggabungkan pihak akademik, media dan organisasi masyarakat yang berusaha melawan sebaran maklumat tidak benar dalam kalangan rakyat Malaysia.



# Puisi Melayu Wadah Kebitaraan Bangsa

Keunggulan sesebuah bangsa kebiasaannya diukur melalui pengekalan warisan yang diwarisi dari turun-temurun. Puisi merupakan salah satu warisan bangsa Melayu yang wajar untuk dipelihara dan seterusnya diwarisi dari generasi ke generasi agar tidak lapuk dek zaman. Menyedari akan hal ini, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA) terus unggul mengekalkan tradisi penganjuran Hari Puisi Melayu bagi edisi 2024. Hari Puisi Melayu merupakan sambutan yang diisytiharkan di peringkat kebangsaan dan disambut pada 13 Jun setiap tahun.

Bertemakan ‘Puisi Melayu Wadah Kebitaraan Bangsa’, sambutan kali ini diserikan dengan deklamasi puisi-puisi pelbagai tema yang disampaikan oleh para pelajar dan juga barisan kepimpinan pengurusan FSSK yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.



Sebagai penghormatan kepada warisan puisi Melayu yang begitu kaya dan beragam, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA-MELAYU) telah mengadakan Hari Puisi Melayu (HPM) 2024 yang merupakan anjuran tahunan sejak 2004 di fakulti ini.

Puisi Melayu telah menjadi saksi kepada kekuatan kata-kata yang mampu menggugah perasaan dan memberi suara kepada kehidupan masyarakat kita. Melaluinya, kita menemui pelbagai elemen yang menyentuh persoalan-persoalan berlainan seperti bicara ketulusan hati, kerinduan kepada tanah air, cinta kepada sesama manusia, dan pekerti mulia yang terkandung dalam nilai-nilai kebudayaan kita.

Penganjuran program Hari Puisi Melayu 2024 amat penting bagi kita semua untuk mengekalkan puisi Melayu sebagai salah satu rujukan sumber intelek yang signifikan dalam kehidupan seharian dan sebuah kesenian yang hebat.

## KITA SANG PEMBURU (Awang Sarigan)

Rupa-rupanya kita, Kesemuanya sang pemburu belaka.

Ceritera kehidupan dari zaman ke zaman  
penuh dengan perburuan dan pemburuan

Manusia memburu nama, Manusia memburu kuasa  
Manusia memburu harta, Manusia memburu cinta  
Manusia memburu habuan dunia  
Manusia memburu empayar takhta  
Manusia memburu empayar niaga

Dalam perburuan dan pemburuan rukun utamanya percaturan  
menurut kekuatan dan kehebatan bukan rahmah dan ihsan  
kaedahnya pertelingkahan penipuan pintar dan perkongsian  
yang menipiskan rasa kemanusiaan yang menghalalkan  
segala bentuk ancaman  
dan rencana akal menurut impian.

Bisa terus menjadi sang pemburu  
tetapi yang dikawal akal dan kalbu  
berlunaskan tuntutan Yang Satu  
memenuhi amanah khalifah bersumberkan wahyu.

Yang diburu bukan nama, Yang diburu bukan kuasa  
Yang diburu bukan harta, Yang diburu ialah redha  
Yang diburu ialah takwa, Yang diburu ialah maghfirah-Nya

Jadilah kita sang pemburu di bawah naungan rahmah-Nya

# Pelajar Psikologi Tahun Akhir Pamer Kreativiti Rekaan Produk Ergonomik Pada Hari Ergonomik 2024

Pada 12 dan 13 Jun 2024 telah berlangsung program Hari Ergonomik 2024 yang melibatkan penyertaan pelajar tahun akhir Program Psikologi, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTRA). Program Hari Ergonomik bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai ergonomik di tempat kerja serta menyediakan ruang bagi perkongsian idea dalam reka bentuk produk ergonomik.

Para pelajar telah membentangkan hasil rekaan produk ergonomik yang memenuhi keperluan asas sesuatu produk ergonomik. Sebanyak 17 produk ergonomik telah dihasilkan dan dibentangkan dengan jayanya.



# **Forum Wellnes Warrior Atasi Stigma Wujudkan Sokongan dan Kesedaran Mental Kepada Komuniti dan Pelajar**


Kesihatan mental saban hari menjadi topik yang semakin mendapat perhatian umum. Di sebalik senyuman, gelak tawa dan kesibukan harian, ramai yang berdepan dengan cabaran kesihatan mental dan perjuangan mental yang tidak terlihat oleh mata kasar. Oleh itu, adalah penting untuk kita menggalakkan intervensi awal dan mengukuhkan sokongan masyarakat terhadap pemulihan pesakit yang menghadapi penyakit mental.

Justeru, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan forum Wellness Warrior: Uniting For Mental Health Awareness bersama moderator iaitu Dr. Nasrudin Subhi dan dua panel jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Salleh Amat yang merupakan Pengarah UKM Career serta Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham FASc yang merupakan Pengarah Hadhari UKM.

Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memupuk sokongan komuniti dalam meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan mental, mengurangkan stigma dan mempromosikan kesejahteraan. Selain itu, forum ini juga bertujuan untuk mendidik orang ramai dan pelajar khususnya, tentang kesihatan mental agar mereka dapat mencegah penyakit mental dan boleh memberikan pertolongan kepada sesiapa sahaja yang menghadapi penyakit mental, membincangkan dasar serta amalan yang boleh dilakukan dalam menghindari penyakit ini menjadi lebih teruk.




Antara sebab atau punca penyakit mental yang serius berlaku adalah disebabkan oleh stress. Stress merupakan punca awal yang mendorong kepada penyakit mental yang teruk sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal terutama pada golongan muda. Pada kebiasaannya, golongan muda cenderung menghidapi stress kerana mempunyai masalah keluarga berpecah, masalah hubungan percintaan, suka membuat perbezaan gaya hidup dengan versi orang yang lebih ideal di sosial media sehingga menyebabkan timbul perasaan tidak mencukupi, beban kerja atau komitmen terhadap belajar yang terlalu tinggi sehingga menambahkan tekanan dan sebagainya.



Suatu tinjauan pantas di dalam forum berikut mendapati bahawa rata-rata antara golongan muda tidak mendapatkan bantuan apabila menghadapi penyakit mental adalah kerana malu ingin berkongsi masalah dengan orang baru, mempunyai masalah kepercayaan terhadap orang lain, tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga dan tidak tahu untuk merujuk kepada siapa tentang masalah yang dihadapi.

Antara langkah yang boleh dilakukan apabila seseorang individu menghadapi penyakit mental adalah berceritakan masalah mereka kepada orang yang mereka percayai seperti ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan. Hal ini kerana sokongan daripada mereka juga penting dalam mengurangkan tekanan yang dihadapi terutama sokongan dari segi emosi. Mendapat sokongan daripada orang yang dipercayai dapat memberikan rasa tenang dan selamat agar individu tersebut dapat menjalani hidup mereka dengan lebih baik. Malah, dapat memberikan mereka rasa kebersamaan yang secara tidak langsung mengurangkan rasa kesunyian.

Selain itu, seorang individu boleh meluangkan masa bersama keindahan alam semula jadi atau melakukan aktiviti luar yang boleh memberikan ketenangan kerana ianya akan meningkatkan Dopamine dalam darah yang secara tak langsung membuatkan kita berasa gembira.



Langkah yang seterusnya adalah individu sakit mental tersebut boleh berjumpa dengan pakar kaunselor untuk meluahkan sesuatu masalah atau meminta nasihat pakar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. PsiTra juga mempunyai Klinik Psikologi & Konsultasi (PKPU) di FSSK yang boleh membantu pelajar mendapatkan khidmat sokongan melalui sesi kaunseling.

Seterusnya, langkah alternatif terakhir yang boleh dipertimbangkan adalah berjumpa dengan pakar psikiatri untuk mendapatkan rawatan yang sesuai dan tepat berdasarkan hasil diagnosis yang dilakukan oleh pakar tersebut. Psikiatri mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang penyakit mental dan dapat memberikan sokongan dan panduan yang sebetulnya diperlukan oleh pesakit tersebut.

Secara keseluruhannya, menjaga kesihatan mental adalah tanggungjawab yang perlu diberi perhatian serius oleh setiap individu. Kenali diri sendiri, baik dari segi luaran maupun dalaman, kerana hanya kita sahaja yang benar-benar memahami dan boleh menyelesaikan masalah diri kita. Kesihatan mental boleh dirawat dan sembuh dengan pendekatan yang betul. Selain itu, mengamalkan gaya hidup sihat seperti makan makanan yang berkhasiat dan aktif melakukan senaman juga penting untuk menjaga kesejahteraan mental. Di samping itu, memantapkan rohaniah diri dengan mendekatkan diri kepada agama sangat digalakkan. Hal ini boleh dilakukan dengan cara banyak-banyak berdoa kepada tuhan, membaca dan memahami surah-surah dalam Al-Quran yang di dalamnya terkandung banyak tentang cara mengatasi masalah kehidupan sehari-hari. Kesemua langkah-langkah yang telah dibincangkan apabila digabungkan, akan membantu individu dalam mencapai kesejahteraan mental yang lebih baik dan kehidupan yang lebih bermakna.



## Program Pertukaran Pelajar dan Pensyarah FSSK-IPDN

Hubungan kerjasama erat antara FSSK dan institusi pendidikan tinggi di Indonesia bukanlah sesuatu yang asing lagi malah dilihat semakin memberikan impak yang positif kepada kedua-dua buah negara. Terbaru, FSSK telah menerima kehadiran para pelajar dan pensyarah Institut Pemerintahan Dalam Negeri Indonesia (IPDN) bermula 9 hingga 22 Jun 2024 yang lalu. Kehadiran mereka ke FSSK adalah merupakan kunjungan balas Program Pertukaran Pelajar & Pensyarah antara FSSK dan IPDN yang telah pun dimulakan sejak November tahun lalu.

Antara aktiviti sepanjang program berkenaan adalah seperti aktiviti pembelajaran kuliah bersama tenaga pengajar FSSK, lawatan ke Makmal Sosial FSSK, lawatan sekitar Kuala Lumpur, aktiviti pertukaran budaya dan telah diakhiri dengan Syarahan Umum bertajuk Perkembangan Politik dan Pembangunan di Indonesia yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Drs. Wirman Syafri, Profesor Pelawat IPDN.

Menurut Dekan FSSK, YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub program sebegini mampu memberikan pengalaman pertukaran pengetahuan dan pengalaman di antara kedua-dua pihak baik IPDN maupun FSSK. FSSK mengharapkan agar lebih banyak program-program kerjasama sebegini dapat dijalankan lagi di masa akan datang dan dalam masa yang sama turut mempromosikan program-program pengajian yang terdapat di FSSK serta secara tidak langsung meningkatkan lagi bilangan permohonan melanjutkan pengajian ke FSSK.

Tahun lalu FSSK telah menghantar empat orang pensyarah yang terdiri daripada Dr. Sharifah Nursyahidah Syed Annuar (SPHEA), Dr. Mohd Nasir Selamat (PSITRA), Dr. Ammar Redza Ahmad Rizal (MENTION) dan Dr. Sarmila Md Sum (SEEDS) selama dua minggu untuk menjalani program yang sama.



## **Program Ceria Sihat AYG di Adab Youth Garage Kukuh Jaringan Komuniti KASIH@FSSK dan IPDN**



Unit KASIH@FSSK telah menganjurkan Program Ceria Sihat AYG di Adab Youth Garage (AYG) cawangan Bangi, Selangor pada 14 Jun 2024 yang lalu. Untuk rekod, AYG cawangan Bangi, Selangor merupakan salah satu daripada tiga Makmal Sosial FSSK@Komuniti. Program ini telah melibatkan penyertaan 20 orang kanak-kanak berusia antara 7 hingga 15 tahun dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran sukarelawan Skuad KASIH@FSSK yang terdiri daripada 10 orang pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) serta 8 orang pelajar dari Institut Pertahanan Dalam Negeri (IPDN) Surabaya, Indonesia.

Aktiviti yang diadakan bersifat santai dan interaktif, dengan fokus kepada kesihatan emosi dan mental kanak-kanak. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada pelajar Malaysia dan Indonesia untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan merentas budaya. Melalui program ini juga, para pelajar IPDN berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti khidmat komuniti bersama Skuad KASIH@FSSK, menjadikan pengalaman program pertukaran pelajar mereka lebih bermakna dan berkesan.

Program ini turut dihadiri oleh Prof. Dr. Sity Daud, Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) FSSK UKM, Dr. Noremy Md. Akhir, Penyelaras Unit KASIH@FSSK, dan Ibu Mughny Ibtidyam Mukhilis, Pengiring dari IPDN Surabaya, Indonesia.

Program Ceria Sihat AYG ini bukan sahaja berjaya mencapai matlamatnya dalam memberikan keseronokan dan pengetahuan kepada kanak-kanak, tetapi juga mengukuhkan hubungan antara pelajar Malaysia dan Indonesia. Inisiatif ini diharapkan dapat diteruskan dan dikembangkan lagi pada masa hadapan untuk manfaat yang lebih luas.





Lawatan ke FSSK

Fakulti  
**& Sains Sosial**  
Kemanusiaan

Faculty of Social Sciences & Humanities, UTM

## **Lawatan Universite' Catholique Del'ouest (UCO) Perancis ke FSSK UKM**



Lawatan dari Joycelyn Martin wakil daripada Faculté des Humanités Universite' Catholique Del'ouest (UCO) Perancis ke FSSK UKM pada 21 Mei 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Dekan FSSK. Tujuan kunjungan ini adalah untuk membincangkan ruang kerjasama dua hala yang boleh dilakukan antara FSSK UKM dan Faculté des Humanités UCO.

## **Lawatan Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia ke FSSK UKM**



Sesi lawatan daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia ke Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM Bangi pada 31 Mei 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat FSSK. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan jalinan kerjasama dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa. Selain itu, turut membincangkan tentang latihan industri pelajar, kerjasama penerbitan dan pensyarah jemputan.

## **Pertukaran pensyarah serta pelajar Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN) ke FSSK UKM**



Dari 9 hingga 22 Jun 2024, Fakultas Sains Sosial dan Kumanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima kunjungan dari Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia. Kunjungan ini diadakan bagi tujuan program Kuliah Antarabangsa serta pertukaran pensyarah dan pelajar.

Program ini berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 8 orang pelajar dan 5 orang pensyarah dari IPDN. Mereka berpeluang berinteraksi dan berkongsi pengetahuan dengan warga FSSK, sekaligus memperkuatkan hubungan akademik dan budaya antara kedua-dua institusi.

## **Lawatan Rasmi Fakultas Kedokteran dan Ilmu Kesehatan, Universitas Jambi, Indonesia ke FSSK UKM**



Sesi lawatan rasmi Fakultas Kedokteran dan Ilmu Kesehatan, Universitas Jambi, Indoensia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan pada 24 Jun 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran. Lawatan ini turut mengadakan perbicangan ringkas kedua-dua belah pihak mengenai mobiliti pelajar, pertukaran pensyarah, penerbitan bersama dan latihan Industri pelajar.

## **Lawatan Jabatan Sejarah, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Padang, Indonesia ke FSSK UKM**



Sesi lawatan rasmi Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan pada 27 Jun 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa. Tujuan lawatan ini adalah untuk membincangkan beberapa agenda penting yang merangkumi pertukaran pensyarah dan pelajar, cadangan untuk menghantar pensyarah UNP melanjutkan pengajian di UKM, penerbitan jurnal bersama khususnya dalam bidang Sejarah, serta latihan industri untuk pelajar. Pertemuan ini bertujuan memperkuuhkan hubungan akademik dan memperluas peluang kerjasama antara kedua-dua institusi dalam usaha memajukan pendidikan dan penyelidikan.



## **Mesyuarat Jawatankuasa bersama Program (JBP) Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) UKM-MPAT Siri 1/2024**

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dan Komandan MPAT Laksamana Pertama Badaruddin Taha telah mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Program (JBP) Pengajian Pertahanan UKM-Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) Siri 1/2024 pada 7 Jun 2024.

Mesyuarat ini bertujuan untuk melaporkan perkembangan semasa Program Sarjana Pengajian Pertahanan UKM-MPAT kepada Dekan FSSK dan Komandan MPAT. Selain itu, mesyuarat JBP ini akan diadakan dua kali setahun seperti mana yang disepakati kedua-dua pihak FSSK UKM dan MPAT dalam Memorandum Persetujuan (MoA) pada Januari 2023. Turut hadir Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM), Prof Dr. Sity Daud, Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Azlan Abas; Ketua Program Siswazah FSSK Dr. Azima Manaf, Penyelaras UKM-MPAT Dr. Abdul Muein Abadi, serta Puan Nor Shadira selaku Penolong Pendaftar Kanan FSSK.






JAMUAN HARI RAYA  
**AIDILFITRI**  
FSSK2024







Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

dfssk@ukm.edu.my  
+603 8921 5354 (Pejabat Kedekanan)  
+603 8921 4741 (Sekreteriat Prasiswazah)  
+603 8921 5144 (Sekreteriat Siswazah)

